



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SENARIO PERBURUHAN NEGARA BERKAITAN PEMBERHENTIAN DAN PENGURANGAN GAJI PEKERJA SUSULAN PENULARAN VIRUS COVID-19:

27 Februari - Penularan virus Covid-19 di Malaysia bukan sekadar mendatangkan kekalutan dari segi kesihatan malah turut mendatangkan kesan kepada situasi perburuhan negara. Kesan secara langsung atau tidak langsung ini dirasai oleh sesetengah majikan dalam beberapa sektor industri khususnya industri pelancongan. Keadaan ini menyumbang kepada situasi tindakan pemberhentian dan pengurangan gaji pekerja dari segi bayaran gaji lebih masa yang dapat dilihat menurun daripada keadaan yang biasa. Sehingga hari ini, pekerja yang terlibat dalam proses pemberhentian dan pengurangan gaji telah mencecah 634 orang membabitkan 10 majikan di 3 buah negeri dalam 3 sektor industri*.

Daripada angka pemberhentian yang dikenal pasti, 64 orang pekerja telah diberhentikan secara kekal dan 111 orang pekerja diberhentikan secara sementara. Seramai 459 orang pekerja pula terlibat dengan pengurangan gaji oleh majikan. Negeri-negeri yang terlibat adalah Melaka dengan 369 orang pekerja diikuti Selangor dengan 223 orang pekerja dan Kuala Lumpur dengan 42 orang pekerja. Sektor-sektor yang terlibat adalah sektor pembuatan (369 orang pekerja), sektor pentadbiran dan khidmat sokongan (263 orang pekerja) yang mana banyak melibatkan aktiviti perkhidmatan pelancongan dan sektor perdagangan borong runcit (2 orang pekerja).

Dalam usaha memantau situasi ini, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah melaksanakan inisiatif menyalurkan maklumat secara telus berhubung isu pemberhentian dan pengurangan gaji pekerja di Malaysia. Maklumat ini disediakan dalam bentuk *Dashboard* yang boleh diakses dalam laman sesawang rasmi Jabatan iaitu jtksm.mohr.gov.my.

Kementerian turut menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam situasi seperti ini untuk hadir atau menghubungi Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran dan melaporkan perkara tersebut bagi tujuan penguatkuasaan dan pemantauan. Majikan turut digesa untuk sentiasa merujuk Garis Panduan Mengendalikan Isu-isu Berhubung Wabak Berjangkit Termasuk Novel Coronavirus Di Tempat Kerja yang telah dikeluarkan oleh JTKSM pada 7 Februari 2020 dan boleh didapati melalui laman sesawang yang sama.

*merujuk kepada industri Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC)

Dikeluarkan Oleh:

Kementerian Sumber Manusia
28 Februari 2020